

# Lawatan UHO Indonesia ke UMS pupuk pemahaman silang budaya

Membentuk masa depan IPT terutama dalam era pascapandemik

UB 19.10.2023 P.06

Oleh Vivi Oliviana Najurus

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menerima lawatan daripada delegasi termasuk pensyarah dan pelajar antarabangsa Universiti Hulu Oleo (UHO) Kendari Indonesia.

Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim berkata, pendidikan global dan silang budaya memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutamanya dalam keadaan dunia yang sedang membangun semasa era pasca pandemik.

Katanya, UMS memberi sokongan terhadap inisiatif ini dalam landskap akademik dengan memberikan kerjasama sepanjang lawatan delegasi dari UHO Indonesia di sini.

Delegasi UHO diketuai Dekan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UHO Prof. Dr. Arifuddin, diiringi rakan akademik Dr. Laode Afshayadin Aliddin, Dr. Tajuddin, Dr. Nitri Mirosea, kakitangan pentadbiran dan pelajar.

UHO diasaskan pada 1964 sebelum bergabung dengan Universiti Hasanuddin di Makassar dan berjaya mencapai autonomi pada 1981.

Universiti ini berperanan sebagai penilai penting kepada Indonesia dalam menyumbang pembangunan sumber manusia yang memberi kesan kepada masyarakat di Sulawesi Tenggara dan Indonesia yang lebih luas.

Lawatan selama seminggu diisi dengan kuliah yang dikendalikan oleh pensyarah dan pelajar di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS.

Kuliah dimulakan dengan Profesion Akauntan Menghadapi Gangguan Teknologi: Peluang dan Cabaran diikuti Arifuddin dengan topik Pel-



**KENANGAN:** Pelajar UMS dan UHO merakamkan gambar kenangan bersama semasa salah satu sesi kuliah.



**TERUJA:** Pelajar UHO teruja semasa menyertai program mobiliti di UMS.



**CENDERAHATI:** Laode menyampaikan cenderahati kepada salah seorang penyelaras mobiliti, Datu Razali.

uang dan Tentangan Profesi Akauntan dalam Menghadapi Era Disrupsi 4.0 dengan dilaksanakan bersama Andy Lee Chen Hiung dan Dr. Kevin Matthew.

Pelajar dari UHO turut menghadiri beberapa kuliah yang dikendalikan Mohd. Rahimie berkenaan Pasaran Wang dan Modal diikuti Pengurusan Strategik daripada Suddin dan Pengurusan Sumber Manusia Datu Razali Datu Eranza.

Mohd. Rahimie berkata, pelaksanaan kuliah daripada profesor pelawat dan kuliah mobiliti ini adalah sebahagian daripada usaha IPT dalam menyediakan pelajar dari Indonesia dan Malaysia untuk belajar daripada pelbagai pengalaman yang dikongsi oleh profesor terbabit.

"Kuliah sebegini bukan sahaja dapat meluaskan pengetahuan akademik tetapi juga memupuk pemahaman silang budaya.

"Pelajar mobiliti antarabangsa yang menghabiskan lawatan di sini mampu membawa pelbagai perspektif ke balik ke universiti masing-masing dan menimba pengalaman baharu daripada sesi kuliah di UMS," katanya.

Beliau berkata, sesi kuliah yang dilaksanakan oleh profesor pelawat juga menawarkan peluang untuk merapatkan jurang antara pengetahuan teori dan kepakaran praktikal.

"Pelajar tempatan juga mendapat manfaat daripada pandangan yang diutarakan secara langsung mengenai perkembangan terkini dalam bidang terbabit terutamanya dari konteks Indonesia.

"Pelajar mobiliti yang menghadiri kuliah juga berkongsi pengalaman dalam sistem pendidikan, budaya dan masyarakat berbeza yang membawa kepelbagaian ke dalam bilik kuliah seterusnya



**PENGHARGAAN:** Suddin bertukar tanda penghargaan bersama Arifuddin.

meluaskan lagi pengetahuan masing-masing," katanya.

Tambahnya, kepentingan sebenar dalam penerimaan pendidikan global melalui kuliah lawatan dan program mobiliti terletak pada peranannya iaitu dalam membentuk generasi akan datang di dalam era yang mempunyai cabaran global serta teknologi selain perubahan iklim kepada konflik antarabangsa.

"Pengetahuan terhadap isu global serta silang budaya mampu memberi nilai tambah yang merentasi sempadan serta kecekapan untuk bekerja di peringkat antarabangsa dalam apa sahaja konteks cabaran berkecemasan," katanya.

Dalam pada itu katanya, profesor pelawat dan pelajar mobiliti UHO terpesona dengan pemandangan indah yang ada di UMS sepanjang melawat beberapa tempat ikonik termasuklah Muzium Marin UMS.

Tambahnya, salah seorang ahli akademik turut teruja melihat kemudahan sukan di Kompleks Sukan UMS terutamanya stadium bola sepak yang mempunyai trek

dan padang.

Sementara itu, Arifuddin merakamkan penghargaan kepada UMS sepanjang delegasi berada di sini.

Beliau melihat masyarakat di negeri ini begitu mesra menjadikan Sabah sebagai destinasi popular untuk pelancong di seluruh dunia.

"Saya berharap kerjasama ini diteruskan pada masa hadapan seterusnya memupuk kesedaran antarabangsa dan kesedaran antarabangsa dan persefahaman silang budaya, untuk perspektif yang lebih luas di peringkat global," katanya.

Mohd Rahimie berkata, lawatan sempurna ini juga mewujudkan sesi pembelajaran yang lebih teliti dalam membuka perspektif dan kepakaran global.

"Sebagai dekan fakulti, saya menghargai kekayaan ilmu dan pendekatan terkini yang dibawa oleh profesor pelawat yang memberikan satu pengetahuan lebih meluas kepada pelajar di sini," katanya.

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Dr. Suddin Lada selaku penguergi panjur bagi pihak fakulti turut merakamkan penghar-

gaan kepada semua profesor pelawat dan pelajar mobiliti yang memilih untuk menjadi sebahagian daripada sesi akademik ini.

Sementara itu, Timbalan Dekan Akademik dan Pengantarabangsaan Dr. Sharifah Milda Amirul turut menghargai mobiliti yang membentuk masa berharga di IPT dan berbesar hati untuk menjadi sebahagian daripada komuniti UMS.

Kerjasama antara Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS dan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UHO bermula daripada kumpulan ahli akademik yang diketuai Suddin semasa menghadiri persidangan dan sesi lawatan di Indonesia.

Persidangan itu membahaskan hasil apabila Dr. Izaan Azyan Abdul Jamil dijemput sebagai profesor pelawat ke UHO sebelum delegasi melakukan lawatan timbal balik ke UMS.

Penyelaras Mobiliti Antarabangsa di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS, Datu Razali dan Andy Lee juga menyatakan strategi kepada pendidikan global adalah penilaian keperluan.